

**Untuk Siaran Segera**



## **PROJEK-PROJEK PR1MA DI MELAKA DIJANGKA SIAP SEAWAL SUKU PERTAMA 2024**

*Status Siap Pembinaan Projek Lebih Awal Daripada Jadual*

**MELAKA, 22 SEPTEMBER** – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama pasukan *Taskforce Projek Perumahan Sakit Dan Terbengkalai* (TFST) hari ini meneruskan lawatan turun padang bagi melihat perkembangan terkini tiga (3) projek perumahan PR1MA yang berstatus sakit di Melaka iaitu di Projek Residensi Klebang 2, Projek Residensi Bukit Katil dan Projek Residensi Melaka Tengah 2.

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) terus komited untuk menyiapkan kesemua projek dalam pembinaan di seluruh negara. Tiga projek di Melaka dijangka siap seawal suku pertama 2024, iaitu lebih awal dari jangkaan asal. Setakat 15 September 2023, dua daripada projek tersebut telah mencapai kemajuan yang lebih awal daripada yang dijadualkan iaitu Projek Residensi Klebang 2 dan Projek Residensi Melaka Tengah 2.

Menurut YB Timbalan Menteri, “Ini adalah hasil kerjasama PR1MA dan *Taskforce Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai* (TFST) di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi teknikal serta pihak-pihak berkepentingan lain.”

Projek Residensi Klebang 2 sudah mencapai status siap sebanyak 93.60%, di mana kerja-kerja struktur untuk projek ini telah siap sepenuhnya dan kini tertumpu kepada kerja-kerja seni bina dan infrastruktur. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2023.

Bagi projek ini, PR1MA akan membayar Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) dianggarkan kira-kira RM6 juta kepada 273 pembeli. Pembayaran awal sebahagian LAD kepada dua orang pembeli telah diberikan bagi mengurangkan beban kewangan akibat kelewatian projek siap.

Untuk Projek Residensi Melaka Tengah 2 pula, ia telah mencapai status kemajuan sebanyak 98.26%, dan dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2024. Dengan pelantikan Consolidated Legend (M) Sdn. Bhd. sebagai kontraktor penyelamat yang mempunyai kekuatan tenaga kerja seramai 320 orang, kerja di tapak pembinaan kini sedang tertumpu kepada kerja seni bina, serta mekanikal dan elektrikal (M&E). Kontraktor tersebut juga dalam proses untuk mengadakan perjumpaan dengan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan agensi teknikal bagi pemeriksaan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC).

PR1MA juga telah mengadakan beberapa sesi perjumpaan bersama para pembeli yang dipanggil *Homebuyer Review Committee* (HRC) pada tahun 2021 dan 2022. Kira-kira RM11 juta akan dibayar kepada 382 pembeli sebagai LAD dan 20 pembeli telah menerima pembayaran awal sebahagian LAD melibatkan peruntukan sebanyak RM143,402 bagi mengurangkan beban kewangan akibat kelewatan penyiapan projek.

Bagi projek Residensi Bukit Katil pula, ia dijangka siap suku keempat 2024 di mana kerja-kerja struktur telah dimulakan di Blok A di samping kerja seni bina yang giat dijalankan di Blok C. Seramai 10 orang pembeli akan menerima LAD dengan peruntukan berjumlah kira-kira RM70,000.

Inisiatif *Environmental, Social, and Governance* (ESG) turut dipergiatkan menerusi projek-projek tersebut termasuk pengumpulan air hujan, pemasangan lampu jalan LED yang cekap tenaga dan penggunaan *Industrial Building System* (IBS) seperti Sistem Formwork Aluminium. Selain itu, penggabungan ciri-ciri reka bentuk universal dan program kitar semula juga disediakan bagi menekankan komitmen PR1MA untuk menggalakkan kemampunan, penjagaan alam sekitar serta memupuk impak sosial yang positif dalam komuniti. Projek-projek ini terjemahan dedikasi PR1MA terhadap pembangunan mampan.

Dengan kerjasama dan sokongan daripada KPKT, Kerajaan Negeri, PBT, agensi-agensi teknikal berkaitan serta para pembeli, PR1MA yakin projek-projek di Melaka ini akan dapat disiapkan menjelang 2024. Bagi tahun ini, PR1MA menyasarkan untuk menyiapkan 13 projek di seluruh negara yang merangkumi 9,528 unit rumah.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di talian 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**

---

#### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat

menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Perspective Strategies**

Amiruddin Azran ([amiruddin.azran@perspective.com.my](mailto:amiruddin.azran@perspective.com.my) / +6011-11452867)

**PR1MA**

Khairul Faizi Dalaiil ([khairul.faizi@pr1ma.my](mailto:khairul.faizi@pr1ma.my) / +6013-7029740)